

Tergamam suami hancur digilis

Metro 23/6/12 MS 34.

Motosikal pesara terperosok bawah lori balak ketika cuba memintas

>>Oleh Mohd Husni Mohd Noor

mhusni@hmetro.com:my

POH: "Saya tergamam sebaik dimaklumkan sebahagian tubuh arwah suami hancur dilenyek lori balak selepas kemalangan itu," kata Yoon Mohd Sabar, 65, isteri kepada arwah Idris Othman, 58, yang maut digilis serta diseret lori balak, tengah hari semalam.


Dalam kejadian jam 12.30 tengah hari di Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab itu, motosikal dinaiki Idris bergesel dengan lori berkenaan sebelum hilang kawalan dan terpelanting ke bawah lori.

Difahamkan, mangsa dalam perjalanan dari rumahnya di Kampung Seri Murni, Pasir Puteh, di sini, menuju ke bandar raya Ipoh untuk membayar bil utiliti dan pinjaman kereta.

Kejadian ngeri berhampiran Perpustakaan Tun Razak itu menyebabkan mangsa maut serta-merta di lokasi kejadian selepas diseret sejauh lima meter di lokasi kejadian.

Yoon berkata, dia hanya mengetahui kejadian itu selepas dimaklumkan jirannya jam 1 tengah hari.

"Arwah baru saja menamatkan perkhidmatan se-



NGERI...Idris (gambar kecil) bersama motosikalnya digilis lori balak, semalam.

bagai pekerja am rendah di Institut Pendidikan Guru (IPG) Hulu Kinta pada Februari lalu sebelum menguruskan gerai menjual buah di pekan Pasir Puteh," katanya ketika dite-

mui di pekarangan Unit Forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), di sini, petang semalam.

Sementara itu, Ketua Trafik dan Ketenteraman



YOON...tergamam

Awam Ipoh, Deputy Superintendan Wan Sharudin Wan Omar berkata, mangsa cedera parah di kepala dan beberapa bahagian badan sebelum dibawa ke HRPB untuk bedah siasat.

Katanya, mangsa dipercayai cuba memotong lori itu sebelum bergesel dengan kenderaan itu menyebabkannya tercampak ke bawah lori.

"Kemalangan menyebabkan kesesakan teruk terutama bagi orang awam yang mahu menuju ke masjid berdekatan untuk menunaikan solat Jumaat.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Kami turut merakodkan percakapan pemandu lori berusia 45 tahun itu bagi siasatan lanjut," katanya.